

WUJUDKAN SUASANA ZAMAN RASULULLAH BERCAANGGAH DENGAN AJARAN ISLAM - PM

UM 7 APR 1987

PETALING JAYA 6 April —

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, *adalah bercanggah dengan ajaran Islam sekiranya umat Islam pada masa kini cuba mewujudkan semula suasana yang telah wujud pada zaman Rasulullah.* "Tindakan untuk mengembalikan keadaan seperti di zaman nabi itu hanya seolah - olah kita mengaku bahawa segala perbuatan itu hanya baik bagi orang - orang Arab Saudi pada kurun ketujuh Masihi atau kurun pertama Hijrah.

"Ini bertentangan dengan hakikat bahawa Islam untuk sepanjang zaman di mana kita sebaliknya yang mengakui bahawa Islam itu untuk semua zaman hendaklah mengamalkannya mengikut keadaan di masa kita sekarang berada," katanya lagi.

Menurut Perdana Menteri, di zaman dahulu iaitu di zaman keemasan Islam, para pentafsir Al-Quran dan sunnah ketika itu mentafsirkannya mengikut keadaan pada masa tersebut tetapi zaman keemasan itu berakhir juga kerana perubahan keadaan tidak diambil kira lagi. Beliau menarik perhatian, selepas 800 tahun, umat Islam di Sepanyol akhirnya tewas kepada Kristian disebabkan umat Islam,

LIHAT MUKA 6

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

Wujudkan suasana zaman Rasulullah bercanggah

golongan pentadbir dan pengurus mereka gagal mengenalpasti keadaan yang berubah dan cuba menyelesaikan masalah di kurun ke-15 dengan menggunakan kaedah yang digunakan pada kurun ketujuh.

Berucap merasmikan Seminar Pengurusan Islam di Universiti Islam Antarabangsa di sini petang ini, Perdana Menteri juga menegaskan kejatuhan umat Islam juga berpunca apabila umat Islam leka dengan kemewahan dan kuasa sehingga lupa kepada Al-Quran. Menurut Perdana Menteri lagi, pendekatan yang lapuk serta kemerosotan nilai - nilai moral Islam terutama dalam pentadbiran dan pengurusan telah menyebabkan kejatuhan negara - negara umat Islam di dunia ini.

Beliau juga menegaskan masa depan umat Islam dalam zaman moden ini bergantung kepada penerapan idea - idea baru yang berasaskan kepada prinsip - prinsip Islam yang abadi dan disertai juga oleh amalan umat Islam.

"Umat Islam tidak seharusnya berpuashati dengan kenyataan bahawa Islam merupakan cara hidup yang sempurna tanpa berusaha melaksanakan kesempurnaan Islam yang abadi itu dalam kehidupan seharian mereka," katanya.

menentu.

Katanya, sistem pengurusan Islam pada kurun ke-15 Hijrah ini hendaklah merupakan ujian baru dan moden ke arah mencapai matlamat Islam dan mentafsirkan nilai - nilai dan prinsip - prinsipnya dalam konteks kehidupan sekarang.

Menurut Perdana Menteri lagi, sistem pengurusan Islam moden hendaklah mampu menyediakan satu garis panduan untuk menyelesaikan masalah - masalah semasa yang dihadapi oleh pengurusan Islam.

Katanya, Al-Quran dan sunnah hanya sebagai pedoman dan khusus dalam beberapa perkara tertentu sahaja.

"Di dalam Islam juga, perkara yang ditegaskan adalah keadilan dan mencari keuntungan tidak mengapa tetapi keuntungan itu hendaklah tidak diperolehi dari penderitaan orang lain," katanya.

Dalam konteks ini juga, pengurus - pengurus Islam hendaklah bersikap amanah dan penekanan amanah itu amat penting sehingga perjanjian bertulis tidak perlu sebaliknya janji mulut seseorang Islam itu menjadi ikatan janji yang lebih penting.

Katanya, kezaliman, kemunduran, eksploitasi dan rasuah telah memusnahkan asas pembentukan kerajaan Islam.

"Kehidupan politik dan pentadbiran menjadi medan permainan bagi kegiatan - kegiatan jahat mereka yang mementingkan diri dan kombinasi cara - cara dan pendekatan yang ketinggalan zaman inilah terutamanya dalam pentadbiran dan pengurusan yang menyebabkan kejatuhan negara - negara Islam," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Islam mengarahkan umatnya mencari kesempurnaan dan dalam mencari kesempurnaan itu, Islam menegah umatnya dari mengutuk sesiapa yang telah mencuba mencari kesempurnaan tetapi gagal mencapainya.

Menurut Perdana Menteri, terdapat beberapa ayat mengenai keimanan dalam Islam yang mesti diterima oleh seluruh umat tanpa perlu dipersoalkan. Bagaimanapun dalam kehidupan harian, hukum - hukum Islam adalah berasaskan sebab musabab yang sedia diterima oleh manusia yang mempunyai akal fikiran sama ada umat Islam sendiri atau bukan Islam.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh tentang pengurusan Islam di mana menurut beliau, cabaran untuk memajukan sistem seumpama itu sejajar dengan Islam dan mampu untuk bersaing dengan sistem Barat yang ada sekarang yang tidak begitu